

NO SOALAN :19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATIN MASTURA BINTI TAN SRI DATO'
MOHD YAZID
(KUALA KANGSAR)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 10.08.2017

Y.B. DATIN MASTURA BINTI TAN SRI DATO' MOHD YAZID [KUALA KANGSAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan keberkesanan penggunaan kaedah online bagi pendeposit-pendeposit ASB berbanding dengan kaedah-kaedah konvensional yang mengguna buku simpanan terutama sekali bagi pendeposit-pendeposit yang tidak celik IT di luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha giat Malaysia merangsang pembangunan ekonomi digital, operasi sektor perbankan di negara ini telah melaksanakan kaedah urus niaga atas talian (online) serta mengamalkan urus niaga tanpa buku pelaburan. ASNB juga tidak ketinggalan untuk

melaksanakan urus niaga atas talian (online) bagi memudahkan pemegang unit melakukan pelaburan atau menyemak baki pelaburan pada bila-bila masa mengikut kesesuaian dan di mana-mana mereka berada, tanpa perlu mengunjungi cawangan atau ejen ASNB. Ini merupakan inisiatif dalam menyediakan perkhidmatan yang mudah, pantas dan selamat kepada pelanggan.

Namun demikian, untuk pendeposit-pendeposit yang tidak celik IT khasnya di luar bandar, mereka masih boleh melakukan urus niaga di cawangan dan ejen ASNB berdekatan dengan hanya membawa MyKad sahaja. Pemegang unit hanya perlu melengkapkan borang urus niaga sahaja kerana semua urusan dikendalikan oleh juruwang seperti kebiasaanya.